

Rakyat mungkin dilarang la at Ira

Bahan asal dari ARIH
Negara Malaysia

KERAJAAN mungkin melarang rakyat Malaysia melawat Iran, demikian difahamkan hari ini.

Menurut sumber-sumber peringkat tinggi, langkah itu sedang dipertimbangkan untuk mencegah kegiatan subversif Iran kerana negara itu dikatakan sedang cuba "mengeksport" revolusi Islamnya melalui perjuangan bersenjata untuk menggulingkan kerajaan yang sah.

"Kerajaan pasti akan melaksanakan larangan itu sekiranya kegiatan-kegiatan yang merosakkan kepentingan negara berterusan," kata sumber-sumber itu. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hil-

lam, dalam ucapannya di Kuala Terengganu minggu lalu mengesahkan bahawa kerajaan dan rakyat Malaysia tidak akan teragak-agak untuk menentang habis-habiskan sebarang percubaan oleh sebuah negara asing hendak menggulingkan kerajaan. Beliau memberi amaran itu setelah mendedahkan bahawa sebuah negara asing dipati cuba mengeksport apa yang dipanggil revolusi Islam ke negara ini dengan tujuan untuk menggulingkan kerajaan dan menghapuskan pemerintahan raja berperlembagaan di Malaysia.

Hubungan

Datuk Musa, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata bahawa Malaysia juga bersehabat dengan banyak negara, termasuk negara komunis. Walaupun Malaysia tidak bersetuju dengan sistem pentadbiran negara-negara itu, ia masih mengadakan hubungan diplomatik dengan mereka, katanya.

KUALA LUMPUR, Jumaat

Bagaimanapun, bila negara-negara komunis itu cuba campurtangan dalam hal-hwal dalam negeri Malaysia, bila mereka cuba mengeksport ideologi mereka, kerajaan dan rakyat tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang perlu untuk menentang percubaan-percubaan itu, termasuk melarang rakyat melawat negara-negara itu.

Menurut laporan akhbar hari ini, sumber-sumber peristahan kerajaan telah mengumpul bukti-bukti berdokumen bahawa kedutaan Iran di sini telah mengeluarkan cek kepada beberapa orang rakyat Malaysia untuk tambang dan wang saku bagi menghadiri seminar serta majlis mengenali "perjuangan revolusi Islam" anjuran pihak berkuasa Iran di Teheran, New Delhi dan Dhaka. Sumber mengesahkan bahawa kegiatan-kegiatan itu telah berjalan sejak beberapa ketika dan kerajaan mempunyai senarai mereka yang menghadiri majlis-majlis itu.

Sumber-sumber itu berkata, kerajaan sedang menggunakan cara yang lembut untuk menyoal mereka yang telah terpegang dan dipengaruhi oleh anasir-anasir peralampau itu supaya kembali ke pangkuan masyarakat. "Jika mereka masih terus berdegil, maka mereka pasti akan menerima padahnya," kata sumber itu.

Nafi

Difahamkan, Dua Besar Iran di sini telah dipanggil oleh Wisma Putra dan diberi ingatan berhubung campurtangannya dalam hal-hwal dalam negeri Malaysia.

Sumber-sumber Kementerian Luar ketika dihubungi hari ini menyatakan, mereka sedang mengikut dengan rapi kegiatan-kegiatan pihak berkuasa Iran dan sedang menimbangkan tindakan yang hendak diambil.

Mereka berkata, itu itu perlu dikendalikan dengan cermat dan pi-

haknya sedang mengajlinya dengan penuh minat.

Sementara itu, seorang pegawai Kedutaan Iran di sini berkata, kedutaan itu tidak pernah campurtangan dalam hal-hwal dalam negeri Malaysia, sama ada dengan cara mengeksport revolusi Islamnya atau menganjurkan usaha untuk menggulingkan pemerintahan raja berperlembagaan di negara ini.

"Kami mempunyai hubungan yang baik dengan Malaysia dan kami tidak nampak sebabnya mengapa hubungan itu hendak dirusakkan oleh perbuatan seumpama itu," kata pegawai itu yang tidak mahu namanya disebut.

Beliau menatkan laporan akhbar itu dan menafikannya sebagai mengelirukan.

Mengenai tuduhan yang sebuah parti pembangkang mempunyai hubungan rapat dengan Iran, pegawai itu berkata, kerajaannya tidak pernah memenui mereka yang dipanggil pemimpin atau anggota pembangkang itu.

Katanya, pihaknya mahukan Kerajaan Malaysia menamakan parti yang memangkang yang berkenaan.

Bagaimanapun, pegawai itu mengakui kerajaannya telah menjemput rakyat Malaysia melawat Iran, terutama untuk menyaksikan ulang tahun revolusi Islam, tetapi semua jemaah itu dibuat melalui Wisma Putra - Bernama.